

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 30 DISEMBER 2017

MUKA SURAT:11



(FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH)

Profil

Maimunah Mohd Sharif

- Usia 56 tahun
- Kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dari University of Wales, United Kingdom dan Sarjana Perancangan Bandar dari Universiti Sains Malaysia
- Berkhidmat sebagai Perancang Bandar MPPP pada 1985.
- Dilantik Pengarah Perancang Bandar MPPP pada 2003.
- Menjadi Pengurus Besar Perbadanan Warisan Dunia Georgetown (GTWHI) pada 2009.
- Dilantik Yang Dipertua MPSP pada Mac 2011.
- Menjadi Datuk Bandar MBPP pada Julai 2017.
- Memulakan tugas di Nairobi, Kenya sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat mulai 1 Januari 2018.

Maimunah menunjukkan anugerah yang diperoleh ketika ditemui di pejabatnya, di KOMTAR, Georgetown.

Maimunah tekad harum nama negara

TOKOH WANITA

→ Datuk Bandar MBPP jadi Pengarah Eksekutif UN-Habitat di Kenya Isnin

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Di sebalik senyuman di raut wajah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Maimunah Mohd Sharif, ia mempunyai makna begitu besar dalam kehidupannya hari ini.

Beliau yang menamatkan tugas Datuk Bandar mulai esok, akan memegang jawatan Pengarah Eksekutif UN-Habitat pada Isnin ini.

UN-Habitat adalah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memperbaiki kehidupan di bandar yang pesat membangun. Agensi itu yang beribu pejabat di Nairobi, Kenya.

Anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan itu tidak menyangka dirinya yang suatu ketika dahulu hidup susah dengan dibesarkan

ibu bapa penoreh getah, kini boleh menyumbang sesuatu kepada pembangunan.

Maimunah, 56, tekad dan berjanji pada diri mahu membawa keluarga keluar dari kepompong kemiskinan dengan pendidikan apabila belajar bersungguh-sungguh dari peringkat rendah hingga menengah dan menjadi wanita pertama di kampungnya memperoleh biasiswa melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Menuntut ilmu di luar negara tidak semudah disangka berikutan kekangan kewangan dan memaksa dirinya berjinjak cermat.

"Ketika itu, ibu dan ayah sentiasa menasihati supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarga dan saya ditawarkan belajar dalam bidang perancangan bandar di United Kingdom (UK) selama lima tahun dan menyambung pengajian di 'Universiti Sains Malaysia (USM)," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini, baru-baru ini.

Buat kerja sambilan

Menurut anak kedua daripada enam beradik itu, pada saat rakannya pulang ketika cuti semester dan bersiar mengelilingi bandar di UK, beliau menyetepikan keseronokan itu dengan melakukan kerja sambilan sebagai pencuci pinggan mangkuk dan menjadi pemetik buah bagi menampung perbelanjaan di samping menghantar wang kepada keluarganya di kampung.

"Duit biasiswa dan gaji yang diperoleh tidaklah banyak, tetapi saya akan pastikan untuk hantar sedikit kepada keluarga setiap bulan



↑

Suami menasihati peluang ini hanya sekali dan jika saya lepaskan tiada lagi peluang yang kedua, maka dengan itu saya tidak mahu mensia-siakkannya"

Maimunah Mohd Sharif,
Datuk Bandar MBPP

sepanjang saya belajar di sana.

"Walaupun ketika itu hanya mampu menghantar sekitar 50 pound (RM300) sebulan, ia sudah cukup besar berikutan keadaan ekonomi masih baik dan gembira apabila dapat membahagiakan keluarga," katanya.

Bercerita mengenai kerjayanya, Maimunah memulakan khidmat sebagai Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 1985 dan menyandang jawatan Pengarah Perancang Bandar MPPP pada 2003 sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar Perbadanan Warisan Dunia Georgetown (GTWHI) tujuh tahun kemudian.

Ketokohnya tidak boleh disangkal lagi apabila dinaikkan pangkat sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada Mac 2011 dan kini pula dilantik sebagai Datuk Bandar MBPP, pada Julai 2017.

Tidak cukup dengan itu, beliau bakal memulakan tugas di Nairobi, Kenya sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat menggantikan bekas Datuk Bandar Barcelona, Joan Clos yang tamat kontrak secara rasmi, mulai Isnin ini.

Maimunah berkata, semua pencapaian di luar jangkaan di atas berkat usaha dan doa semua pihak khususnya keluarga serta suami dan dua anak perempuannya.

"Tanpa doa mereka saya juga tidak mungkin berada pada tahap begini apatah lagi pernah putus asa terhadap beberapa projek pembangunan yang dikendalikan sepanjang berkhidmat di MPPP dan MPSP yang begitu mencabar.

"Apa yang saya lakukan ketika berdepan situasi itu adalah ber-

cakap di depan cermin dan sentiasa menyematkan fikiran positif dengan membuktikan segala projek yang diberikan orang atasan kerana mereka tahu kemampuan dimiliki," katanya yang merangkul pelbagai anugerah berprestij dari dalam dan luar negara.

Dinobatkan sebagai Perancang Bandar Terbaik oleh Malaysian Institute of Planners (MIP) ketika memegang jawatan Yang Dipertua MPSP, Maimunah berkata, beliau turut melalui fasa baharu hampir enam tahun mengetuai MPSP yang ketika itu berdepan dengan masalah kewangan agak kritikal.

Jelasnya, apa yang dilakukannya adalah menghabiskan masa cuti hujung minggu dengan mencari jalan penyelesaian bagi merangkan kos pengurusan sampah.

"Dengan mempunyai kakitangan berkebolehan, saya merancang dan membuat kajian serta melaksanakan pelbagai program bersama masyarakat bagi memastikan kos pengurusan sampah dikurangkan yang akhirnya selepas beberapa tahun ia berkurangan daripada 42 kepada 32 peratus.

"Suami menasihati peluang ini hanya sekali dan jika saya lepaskan, tiada lagi peluang kedua, maka dengan itu saya tidak mahu mensia-siakkannya," katanya yang mahu mengharumkan nama negara.

"Pada mulanya agak berat untuk menerima jawatan ini kerana perlu meninggalkan dua anak selama empat tahun, tetapi bersyukur apabila mereka faham dengan tugas saya yang mahu berbakti kepada masyarakat," katanya